

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, December 31, 2017 6:10 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA TAHUN BAHARU 2018

Importance: High




Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



31 DISEMBER 2017 / 12 RABIULAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



UUM ONLINE:

**PERUTUSAN NAIB CANSELOR
SEMPENA TAHUN BAHARU 2018**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Subhanahuwataala, yang telah mengizinkan kita rakyat Malaysia melayari tahun 2017 dengan nikmat keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan. Dengan izin Allah Subhanahuwataala jua kita akan terus memperoleh rahmat, nikmat dan keberkatan bagi tahun 2018.

Dalam konteks Universiti Utara Malaysia (UUM), apabila kita menelusur dua belas bulan yang telah berlalu, kita boleh berbangga dengan pelbagai kejayaan yang diperoleh yang akan menjadi pendorong bagi kita melangkah masuk ke tahun 2018 dengan lebih yakin dan bertenaga. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga Universiti Utara Malaysia (UUM) yang telah berganding bahu, memeras minda dan tenaga untuk melonjakkan nama UUM di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Bak kata pepatah 'Kalau tidak dipecahkan ruyung, makan dapat sagunya'. Dengan kerja keras dan usaha sama yang terjalin dalam kalangan warga UUM telah membuahkan hasil yang diharapkan.

Sebagai bukti, pada tahun 2017, kita telah berjaya menerima pelbagai akreditasi seperti AACSB, AMBA, ABEST21, Beta Gamma Sigma, di samping enam program akademik UUM telah mendapat pengiktirafan daripada ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA).

Alhamdulillah apabila **QS University Rankings: Asia 2018** menempatkan UUM pada kedudukan ke-131 di Asia, tempat ke-20 terbaik di Asia Tenggara, dan tempat ke-6 dalam kelompok universiti awam di Malaysia serta sekali gus dikategorikan dalam 1% *Asia's Best University*. Sesungguhnya pengiktirafan ini banyak menyumbang kepada kelebihan jenama UUM untuk terus bersaing di persada akademik antarabangsa.

Kejayaan ini semakin menyerlah apabila UUM tersenarai pada kedudukan 200+ dalam edisi pertama **Times Higher Education Asia-Pacific University Ranking 2017**. Penarafan yang meletakkan UUM di tangga ke-16 terbaik Asia Tenggara, dan ke-6 di Malaysia dalam kalangan universiti awam ini melibatkan penilaian terhadap 243 universiti di 13 buah negara di rantau Asia Pasifik.

Kita juga telah mencipta sejarah apabila pada tahun 2017, buat julung-julung kalinya UUM disenaraikan di kedudukan 101-150 dalam penarafan QS universiti-universiti berusia bawah 50 tahun. Penyenaraian ini meletakkan UUM di tempat ke-44 terbaik di Asia, ke-9 di Asia Tenggara, dan ke-6 dalam kalangan universiti awam di Malaysia. Sekali lagi diucapkan tahniah kepada warga UUM yang telah memberi sumbangan dalam merealisasikan kejayaan dan pencapaian UUM.

Kita juga sedia maklum bahawa sewaktu kita melangkah masuk ke tahun 2018, kita masih berada dalam Pelan Strategik UUM Fasa II: 2016-2020 dengan empat teras utama, iaitu

- a. Teras 1 (Mempertingkatkan Kesarjanaan dan Pengantarabangsaan);
- b. Teras 2 (Pembangunan Modal Insan dan Pengurusan Bakat);
- c. Teras 3 (Membangun Mahasiswa Secara Holistik);
- d. Teras 4 (Menjana Kekayaan).

Ertinya di sini, kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian yang diperoleh, malah harus melipatgandakan usaha untuk memastikan, dalam tiga tahun ini, kita mencapai apa yang telah disasarkan. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, UUM juga harus bergerak seiring dengan dengan saranan dan usaha kerajaan. Dalam usaha kita untuk **Menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka**, kita juga harus bergerak dalam satu simfoni yang harmoni antara visi, misi dengan strategi agar meraih pencapaian yang disasarkan. Setiap langkah perlulah mengambil kira perkembangan semasa dari segi ekonomi, politik dan juga sosial.

Dalam hal ini, kita memerlukan kekuatan dalaman dan kekuatan luaran secara konkrit dan juga secara abstrak, untuk menyokong Transformasi Negara 2050 di samping mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 agar warga UUM dapat memberi sumbangan yang berimpak tinggi.

Oleh itu, marilah kita mengambil iktibar daripada sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam yang mafhumnya: “Sesungguhnya Allah Azza Wa Jalla sangat suka (bahkan cinta) jika seseorang daripada kamu, apabila melakukan kerja, maka dia bekerja dengan tekun” (Riwayat Baihaqi). Ketekunan kita bekerja dengan menerapkan nilai bersama kita, iaitu muhasabah diri, kecemerlangan, saling menghormati dan penerimaan, integriti, komunikasi, kesyukuran dan pembelajaran berterusan, insya-Allah akan menjadi pendorong kepada kejayaan kita di dunia dan di akhirat.

Saya juga ingin mengajak warga UUM untuk menggunakan pelbagai kreativiti dan inovasi dalam usaha meningkatkan produktiviti institusi dan diri masing-masing. Kita mampu membina kekuatan dengan mewujudkan hubungan dengan institusi pengajian tinggi yang tersohor di dunia, juga dengan pihak industri yang berjaya serta pemimpin dari negara luar. Walaupun kita berdepan dengan geseran globalisasi yang mempengaruhi keadaan ekonomi negara, tetapi sekiranya kita dapat mengoptimumkan sumber dengan sebaik mungkin, secara bijak dan berhemah, kita pasti berjaya mencapai teras ke-4, iaitu Menjana Kekayaan.

Semoga usaha murni warga UUM membawa kejayaan yang berkekalan dan membuahkan kemakmuran yang diberkati. Azam warga UUM harus kental, di mana pun kita berada, kita tetap teguh berikhtiar dan bersiap siaga untuk menjadi **Universiti Pengurusan Terkemuka** bukan sahaja di rantau Asia malah di peringkat global.

Selamat Menyambut Tahun Baharu 2018.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA ISHAK

Naib Canselor

Universiti Utara Malaysia



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.